



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (20 OGOS 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **empat (4) kes** positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak sebanyak **686** kes.

##### **A. Kes Baharu yang dilaporkan (Kes Import)**

Hari ini, terdapat **empat (4) kes** telah dilaporkan melibatkan saringan ke atas krew sebuah kapal yang berlabuh di pelabuhan perairan Bintulu yang baru balik dari Pelabuhan Toyama, Jepun. Kes-kes ini telah dibenarkan *signed off* kerana mengalami tanda dan gejala awal COVID-19. Seramai lima (5) orang telah dibawa turun dari kapal dan dimasukkan ke wad isolasi, Hospital Bintulu untuk rawatan dan siasatan lanjut. Hasil saringan COVID-19 yang telah dilakukan pada 18 Ogos 2020 mendapati empat daripada mereka adalah positif ujian rT-PCR COVID-19.

Daripada empat (4) kes positif tersebut, dua (2) daripadanya adalah warga tempatan dan dua lagi adalah warganegara Filipina dan India.

**B. Kluster COVID-19 yang baharu (Kluster Alam)**

Kluster Alam diisytiharkan apabila empat (4) daripada lima (5) orang krew kapal yang telah dibenarkan *signed off* dari pelabuhan perairan Pelabuhan Bintulu didapati positif ujian saringan rT-PCR COVID-19 pada hari ini, 20 Ogos 2020.

Kapal tersebut adalah sebuah kapal tangki minyak yang berdaftar di Pelabuhan Klang, Malaysia. Sejarah pelayaran kapal menunjukkan kapal ini pernah singgah di Pelabuhan Toyama Shinko, Jepun pada 27 Julai hingga 1 Ogos 2020 sebelum singgah di Pelabuhan Labuan pada 10 Ogos 2020. Semasa dalam perjalanan ke perairan Bintulu, Kapten kapal telah memaklumkan kepada agen kapal terdapat dua (2) orang anak kapal yang sakit dan memerlukan rawatan di hospital.

Hasil pemeriksaan lanjut oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Bintulu pada 18 Ogos 2020 mendapati lima (5) orang telah mengalami tanda-tanda dan gejala awal jangkitan COVID-19. Kesemua mereka ini telah diberi *sign off* dan dibawa turun dan dihantar terus ke hospital Bintulu untuk siasatan dan rawatan lanjut. Saringan rT-PCR COVID-19 ke atas mereka telah mendapati empat daripada lima orang yang menunjukkan tanda dan gejala jangkitan awal COVID-19 telah positif pada 20 Ogos 2020.

Sehubungan dengan itu, Kluster Alam telah diisytiharkan pada hari ini dengan makluman awal 4 orang kes telah dilaporkan. Saringan ke atas baki 22 orang krew kapal akan dilakukan dalam masa terdekat termasuk saringan ke atas semua kontak yang berkemungkinan berisiko dijangkiti semasa proses membawa turun kes-kes dari kapal tersebut sehingga ke hospital.

Siasatan awal menunjukkan kluster ini berpunca dari jangkitan luar negara iaitu kemungkinan dibawa oleh krew yang *sign on* ke atas kapal semasa kapal melakukan persinggahan di pelabuhan antarabangsa. Siasatan lanjut ke atas kluster ini masih dilakukan dan pengesanan serta saringan ke atas semua kontak sedang giat dijalankan.

### **C. Kluster COVID-19 yang telah tamat.**

Pada hari ini, Kluster Pasar Stutong, Kuching telah diisytiharkan tamat setelah tiada kes baharu dilaporkan dalam tempoh 28 hari dari tarikh kes yang terakhir. Kluster ini mula dikesan apabila Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak menjalankan saringan aktif di Pasar Stutong berdasarkan hasil siasatan yang telah mendapati bahawa terdapat kes-kes sporadik sebelum ini mempunyai sejarah perjalanan mengunjungi pasar tersebut. Ini juga merupakan salah satu aktiviti saringan bersasar ke atas pasar besar yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dengan kerjasama semua agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak.

Pada 16 Julai 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah menjalankan aktiviti saringan secara rawak ke atas peniaga yang ada di pasar tersebut. Sebanyak 56 orang telah dipilih untuk saringan COVID-19 dengan menggunakan kaedah RT-PCR. Hasil daripada saringan awal pada 18 Julai 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) telah mengesan dua (2) kes positif COVID-19 pada 18 Julai 2020 daripada 56 orang yang disaring. Justeru itu, Kluster Pasar Stutong telah diisytiharkan pada 18 Julai 2020. Pada hari yang sama, Pasar Stutong juga telah diarahkan tutup selama 14 hari bagi tujuan nyah cemar dan memutuskan rangkaian jangkitan COVID-19.

Susulan penutupan Pasar Stutong pada 18 Julai 2020, semua peniaga dan kontak rapat kepada kes-kes positif COVID-19 dari pasar tersebut telah diarahkan untuk menjalani saringan COVID-19 dan diberikan arahan kuarantin di rumah. Aktiviti saringan pada 19 hingga 21 Julai tersebut telah berjaya menyaring seramai 629 orang dan diambil swab RT-PCR di Klinik Kesihatan Petra Jaya, Kuching. Hasil saringan susulan ini telah berjaya mengesan seramai lima (5) lagi kes yang disahkan telah dijangkiti COVID-19.

Secara keseluruhan, seramai 685 orang telah disaring terdiri daripada semua peniaga di Pasar Stutong dan juga kontak rapat kepada kes-kes yang telah dikenal pasti. Hasil saringan telah berjaya mengesan keseluruhan seramai tujuh (7) kes COVID-19 atau dengan kadar 1.02 peratus dengan kes terakhir telah dikesan pada 22 Julai 2020. Kes terakhir yang telah pulih dan didiscaj dari wad hospital ialah pada 31 Julai 2020.

Daripada tujuh (7) kes yang telah dikesan, hanya satu kes yang telah menunjukkan tanda-tanda dan gejala awal jangkitan COVID-19. Tiada kes yang dimasukkan ke unit rawatan rapi atau kes kematian dilaporkan dalam kluster ini.

Kluster ini telah berjaya dibendung daripada merebak di dalam komuniti dengan kerjasama semua agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak. Pasar Stutong juga telah dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan pematuhan SOP pasar pada 1 Ogos 2020.

Punca jangkitan COVID-19 di Pasar Stutong adalah berkemungkinan jangkitan tempatan di dalam komuniti dan perebakan berpunca daripada keadaan yang agak sesak dan penjarakan fizikal yang terhad. Sehubungan dengan itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa patuhi penjarakan fizikal dan SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

#### **D. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Setakat hari ini, jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak **tujuh (7)** dan melibatkan seramai **59 orang kes** seperti berikut:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal lapan (8) kes
- b) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- c) Kluster Sentosa: kekal 31 kes
- d) Kluster PUI Melbourne: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: kekal dua (2) kes
- f) Kluster Pasar Satok: kekal empat (4) kes
- g) Kluster Alam, Bintulu: empat (4) kes dikesan (kluster baharu)

Dimaklumkan juga **satu (1) kes** baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini kekal seramai **661** orang atau **96.36%**.

Seramai **enam (6)** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital, dan jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.77%. Hari ini sebanyak **17 PUI** baru dilaporkan dan **empat (4) kes** masih menunggu ujian makmal.

## **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **14 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP). Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Kota Samarahan (8), Kuching (3), Padawan (1), Sarikei dan Betong (1).

## **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,652 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (194), Restoran (301), Kilang (12), Bank (139), Pejabat Kerajaan (70), Penjaja (53), Pasar Tani/Awam (79), Tempat Ibadah (78), Tempat Riadah (35), Tapak Pembinaan (19) dan lain-lain (672).

Seramai **646 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (312), ATM (38), RELA (135), APM (106), PBT (38), KKM (8) dan lain-lain agensi (9).

#### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,148** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**20 OGOS 2020**

**4.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	682	Kes sedang dirawat di hospital	6	0.87%
Kes Baharu	4	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	75,274	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	686	Jumlah kes kematian	19	2.77%
IR per 100,000 penduduk	22.24	Kes telah sembuh dan discaj	661	96.36%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	16	8,637	17	9,327
Menunggu keputusan	2	4		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	1	1	4	0	0	6
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	1	0	0	0	1
	Kumulatif	569	33	27	31	661
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	8	2	0	0	19

Sumber : CPCR, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



DAERAH HIJAU (40)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	14	6,132	0	423	1	410	0	12	1	3	0
2	Serian	1	303	0	24	0	24	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	244	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Samarahan	0	546	0	112	0	108	0	4	0	0	0
5	Bau	0	168	0	6	0	6	0	0	0	0	0
6	Bintulu	0	278	4	31	0	27	0	0	4	4	0
7	Sibu	0	106	0	10	0	9	0	0	1	1	0
8	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
12	Miri	2	825	0	23	0	22	0	1	0	0	0
13	Asajaya	0	41	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	49	0	3	0	2	0	1	0	0	0
15	Betong	0	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Mukah	0	44	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
19	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
20	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Kapit	0	31	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>	<b>9,327</b>	<b>4</b>	<b>686</b>	<b>1</b>	<b>661</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>6</b>	<b>8</b>	<b>0</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **90** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **14 buah hotel** adalah seramai **734 orang**. Manakala seramai **21,910 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 20.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching (353)	Hock Lee	44
2		Hilton	51
3		Harbour View	154
4		Riverside (Astana Wing)	104
5	Miri (278)	Mega	39
6		Eastwood Valley	60
7		Meritz	82
8		Dynasty	97
9	Bintulu (46)	Wasan Inn	16
10		Motel Kapok	10
11		Faber Inn	20
12	Limbang (16)	Purnama	11
13		Mandarin (Lawas)	5
14	Sibu (41)	Premier	41
<b>Jumlah PUS</b>			<b>734</b>

### 3. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **42 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 20.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	4
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	5
4	MP sibu	10
5	MCC	6
6	MD Marudi	5
7	MD Subis	1
8	MD Lawas	8
<b>Jumlah</b>		<b>42</b>